

16 JUN 1997

Mahathir-Jamuan

MALAYSIA BOLEH BANTU LUBNAN KEMBALI KE ZAMAN KEGEMILANGAN

By: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 16 Jun (Bernama) -- Malaysia menawarkan bantuan kepada Lubnan, yang satu ketika dulu merupakan pusat perdagangan dan kebudayaan paling sofistikated di dunia tetapi kini baru pulih daripada kesan perang saudara, untuk kembali kepada zaman kegemilangannya sebagai pusat perniagaan utama di Asia Barat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berharap semua ahli perniagaan yang mengiringinya dalam lawatan ke sini akan diberi peluang menyertai pembangunan semula Lubnan.

Beliau memberi jaminan kepada kerajaan Lubnan bahawa tokoh-tokoh perniagaan itu dan syarikat mereka telah memainkan peranan penting dalam proses kemajuan ekonomi Malaysia dan biasa dengan pemulihan ekonomi dan fizikal sesebuah negara.

"Kami tidak tahu peranan apa yang dapat kami lakukan dalam pembangunan semula Lubnan... Kami yakin bahawa Lubnan akan bangkit semula. Pemulihan yang sedang dilalui kini ialah bukti kepada semangat waja rakyat Lubnan," kata beliau pada majlis jamuan negara yang diberikan oleh Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri, sempena meraikan lawatan rasmi tiga hari Dr Mahathir ke Lubnan.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyedari bahawa kemakmuran Lubnan bukan saja menyumbang kepada kesejahteraan rantau Asia Barat tetapi juga kepada Malaysia yang berminat menjalinkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Lubnan.

Dr Mahathir berkata: "Semangat keusahawanan rakyat Lubnan dan keazaman mereka membantu negara menyambung peranan tradisinya sebagai pusat perdagangan dan kebudayaan yang dinamik bagi keseluruhan rantau ini sudah mencukupi bagi Malaysia untuk menyertai pembangunan semula negara anda."

Beliau berkata Malaysia memahami dan bersimpati dengan kesengsaraan dan halangan yang dihadapi oleh Lubnan kerana perang saudara yang berpanjangan akibat bantuan kepentingan asing.

"Daripada menjadi pusat perdagangan dan kebudayaan paling sofistikated di dunia, adalah sangat sedih melihat Lubnan dipenuhi parut kesan daripada peperangan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia bagaimanapun kagum kerana Lubnan telah memulakan usaha untuk membina semula dan berazam meletakkan asas keamanan berkekalan di negaranya dan rantau ini.

Sambil berkata bahawa Malaysia gembira Lubnan telahpun mencapai banyak kejayaan, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Hariri kerana kepimpinannya yang kukuh dan cecal dalam memimpin rakyat Lubnan melaksanakan tugas pembangunan semula.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai konsep perkongsian bijak antara kerajaan, negara dan rantau.

Katnaya di Asia Tenggara, idea itu digunakan untuk mempercepatkan pembangunan Asean.

"Selain sebagai elemen saling melengkapi untuk industri pengeluaran, kami juga mengadakan usaha untuk menggalakkan pembangunan bersama antara negara-negara Asean menerusi segitiga pertumbuhan melibatkan wilayah-wilayah berdekatan di negara-negara jiran," kata beliau.

Dasar kebangsaan negara-negara Asean, sama ada dalam ekonomi atau perdagangan, direka untuk "memakmurkan jiran kita" dan bukan memiskinkan mereka, kata Dr Mahathir.

"Jiran-jiran yang miskin menimbulkan masalah. Jiran yang kaya boleh

menjadi rakan perdagangan yang baik," kata beliau.

Dr Mahathir menyarankan Asia Barat menggunakan dasar "makmurkan jiran kita" ini untuk mempercepatkan pembangunan di rantau mereka.

Beliau berkata bahawa elemen utama bagi keamanan serantau ialah dengan penerimaan oleh semua apa juga penyelesaian masalah antara dan di kalangan jiran-jiran menerusi perundingan.

"Jika ini gagal dilakukan, kita rujuk kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Dunia. Di mana yang sesuai kita sanggup berkongsi apa yang dipertikaikan daripada mengambil semua untuk diri sendiri menerusi konfrontasi dan kemusnahan untuk mendapatkan apa yang dituntut," kata beliau.

Bagi Malaysia, Dr Mahathir berkata, ia "tidak dapat menerima sebarang pencerobohan oleh sesiapaupun, sama ada rakan atau lawan."

Beliau berkata di Asia Barat, Israel perlu sedar bahawa ancaman yang diterimanya merupakan akibat langsung daripada tindakannya sendiri.

"Mana-mana negara yang mengambil alih secara paksa tanah atau harta milik orang, yang memusnahkan tempat tinggal orang lain kerana mahu mendirikan penempatannya sendiri, tidak boleh dikatakan ikhlas mahukan keamanan.

"Tetapi Israel cuba memberi alasan terhadap tindakannya itu dengan menuduh jiran-jirannya mengancam untuk membalas, oleh itu semua pencerobohan harus dimaafkan.

"Dunia apakah yang akan dibentuk oleh kita jika pencerobohan dan penolakan pendapat dunia dianggap betul? Israel perlu belajar untuk menolak keganasan sebagai penyelesaian kepada apa yang dikatakan masalah keselamatan," kata Dr Mahathir.

Sambil menegaskan bahawa keganasan bukan penyelesaian (sebaliknya) semangat kejiranan yang baik dan keikhlasan adalah caranya, beliau berkata Malaysia sangat simpati dengan rakyat Lubnan kerana tanah mereka telah dirampas daripada mereka.

"Kami menyokong penuh resolusi 425 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan menganggap pelaksanaannya sebagai satu-satunya cara yang sesuai dan boleh diterima untuk mewujudkan keamanan di Lubnan," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Israel sekarang juga harus menghormati komitmen yang dibuat oleh kerajaan sebelumnya, dan berkata : "jika kerajaan baru mengetepikan perjanjian sah yang dibuat oleh kerajaan sebelumnya, bagaimana kita mengendalikan perhubungan antarabangsa?"

Sambil mengingatkan bahawa ketika Yahudi mendapat perlindungan di negara-negara Islam semasa mereka ditindas di Eropah, "tiada sesiapa pun -- Arab, Palestin atau Muslim -- menganggap Yahudi sebagai musuh mereka.

"Apa yang diperlukan ialah perubahan pendirian dalam kerajaan Israel sekarang yang mengutuk umat Islam dan Arab sebagai musuh ketat mereka. Pendirian sebegini menghalang kemajuan sebenar ke arah keamanan," kata beliau. -- BERNAMA

MOK NAK MAI